



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PEMBANGUNAN PROJEK SISTEM  
SOLAR DI ATAS STRUKTUR BARU TEMPAT LETAK KERETA  
BERBUMBUNG KAKITANGAN MBSP MELALUI KAEDAH  
*POWER PURCHASE AGREEMENT* ANTARA MBSP DAN  
TETUAN PEKAT SOLAR SDN. BHD.**

## **OLEH**

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN, PERANCANGAN BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**14 NOVEMBER 2021 (AHAD)**  
**9.30 PAGI**

**TEMPAT LETAK KERETA (BAHAGIAN KAKITANGAN MBSP)  
MENARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Saudara WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Sam Lee**

*Sales Director*

Pekat Solar Sdn. Bhd.

**Warga Kerja MBSP**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Pembangunan Projek Sistem Solar di atas struktur baru Tempat Letak Kereta Berbumbung Kakitangan MBSP melalui Kaedah *Purchase Agreement* antara MBSP dan Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh a/l Karpal Singh yang tidak jemu-jemu menyokong program-program di Seberang Perai yang dianjurkan oleh MBSP dan kesudian Yang Berhormat untuk hadir merasmikan program pada pagi ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. kerana menjalin kerjasama strategik dengan MBSP menggunakan pendekatan smart partnership melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) untuk merealisasikan matlamat MBSP ke arah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Ini bertepatan dengan visi MBSP menjadikan

Seberang Perai lebih inklusif, lebih berdaya tahan, hijau, kompetitif dan bandar pintar yang dipacu oleh teknologi.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada 17 Mei 2019, MBSP telah muncul sebagai Pihak Berkua Tempatan yang pertama di Malaysia yang menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) bagi pelaksanaan *Supply Agreement Renewable Energy* (SARE) bagi pengurangan karbon melalui penggunaan tenaga solar. SARE merupakan satu perjanjian antara TNB dan GSPARX sebagai pelabur PV Solar Berdaftar (RPVI) dan MBSP sebagai pelanggan, membolehkan MBSP menikmati kadar elektrik lebih rendah berbanding tarif yang diwartakan.

Pemeteraian perjanjian ini menandakan satu pencapaian penting bagi MBSP yang mempraktikkan amalan hijau dengan perbadanan utiliti nasional menerusi SARE dan membawa MBSP melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda masyarakat rendah karbon menerusi inisiatif bandar pintar Seberang Perai.

Tiga (3) bangunan MBSP telah dipilih iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek. Pemasangan fotovoltaik (PV) solar juga akan membolehkan MBSP menjual lebihan tenaga solar kepada TNB dan mendapat kredit tenaga bagi asas ‘satu-bagi-satu’ bagi mengurangkan lagi bilnya menerusi skim *Net Energy Metering* (NEM). MBSP tidak perlu mengeluarkan sebarang kos awalan untuk pemasangan sistem solar di bangunan yang telah dipilih. Tenaga solar yang dijana akan menggantikan tenaga konvensional di mana MBSP dapat menikmati penjimatan bil melalui tarif yang lebih rendah dan tetap sepanjang tempoh perjanjian. Melalui konsep ini juga pengguna dapat menikmati kadar bayaran bil elektrik yang lebih rendah yang mana kadar yang ditawarkan adalah rendah dan tetap sepanjang tempoh kontrak tersebut.

Selain daripada pemasangan panel solar di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, pihak GSPARX Sdn. Bhd. juga telah membuat penggantian bumbung yang baru bagi menampung pemasangan sebanyak 300 unit panel solar dan ianya juga tanpa sebarang kos awalan ditanggung oleh pihak MBSP.

Tenaga solar ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bagi ketiga-tiga bangunan tersebut. Di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, anggaran penjimatan tahunan ialah sebanyak RM15,400.00, di Kompleks Sukan Jalan Betek ialah sebanyak RM10,636.00 dan di Kompleks Sukan Bertam ialah sebanyak RM16,473.00.

Selain daripada pemasangan panel-panel solar di tiga (3) bangunan MBSP, Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, MBSP juga memasang panel solar di bumbung tempat letak motosikal pekerja di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda. Sebanyak 220 unit panel solar berkapasiti 265watt/panel telah dipasang di mana *Annual Solar energy yield* adalah 74,478kWh dan anggaran penjimatan adalah RM27,184.56 setahun bagi tempoh selama 25 tahun. ROI adalah 10 tahun 8 bulan.

Melalui usaha-usaha yang dilaksanakan ini, adalah diharapkan matlamat MBSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022 tercapai.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Susulan daripda usaha-usaha MBSP dalam pemasangan panel-panel solar di bangunan-bangunan milik MBSP, MBSP telah menandatangani satu lagi *Power Purchase Agreement* pada 8 November 2021 dengan Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. bagi melaksanakan projek sistem solar yang akan dibangunkan di atas struktur baru tempat letak kereta berbumbung di kawasan tempat letak kereta kakitangan MBSP dengan keluasan sebanyak 56,000 kaki persegi.

Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. ini adalah sebuah syarikat tempatan yang berpengalaman luas dalam pemasangan sistem solar di seluruh Malaysia dan telah mengemukakan tawaran yang terbaik kepada MBSP berbanding lain-lain syarikat dari segi penjimatan kos bayaran bil elektrik

dan pemasangan struktur tempat letak kereta berbumbung yang akan turut dilengkapi kemudahan satu ruang pengecasan kereta elektrik.

MBSP melalui Mesyuarat Majlis Penuh yang ke-557 bertarikh 23 November 2020 telah bersetuju meluluskan cadangan pemasangan sistem solar serta perkakasannya dan pembinaan tempat letak kereta berbumbung di perkarangan kawasan tempat letak kereta terbuka kakitangan MBSP, Menara MBSP kepada Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. Luas kawasan adalah 56,000 kaki persegi dan akan dipasang 1,194 unit solar panel berkapasiti 595.08 kWp.

Dengan termeterainya perjanjian *Power Purchase Agreement* ini maka MBSP akan membayar kadar tarif elektrik yang lebih rendah berbanding tarif semasa sebanyak RM0.365/kWh. Kadar yang akan dibayar kepada Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. adalah satu kadar tetap selama 15 tahun. Penjimatan kos bayaran bil elektrik MBSP secara keseluruhan untuk setahun ialah RM38,148.30 melalui pelaksanaan inisiatif ini.

Selain memastikan kadar pencemaran alam sekitar dapat diminimakan melalui penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti

sistem solar, inisiatif ini dapat menjimatkan kewangan MBSP dari segi pengurangan bayaran bil elektrik di samping segala kos pembangunan sistem solar, pemasangan serta penyelenggaraan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Tetuan Pekat Solar Sdn. Bhd. selama tempoh kontrak 15 tahun. Di dalam masa yang sama, MBSP akan memperolehi struktur parkir berbumbung secara percuma untuk keselesaan dan kemudahan kepada kakitangan MBSP meletak kenderaan.

Peratusan tenaga solar yang dijana melalui pemasangan panel solar di atas bumbung tempat letak motosikal kakitangan MBSP dan pemasangan panel solar di atas tapak terkini nanti akan menjana kira-kira 40.24% tenaga elektrik berbanding keseluruhan penggunaan tenaga elektrik di ibu pejabat MBSP di Bandar Perda. Jumlah penjimatan keseluruhan daripada kos bil elektrik melalui inisiatif pemasangan solar panel di atas bumbung tempat letak motosikal dan tempat letak kereta berbumbung yang akan dibangunkan kelak ialah kira-kira RM65,333.33 setahun.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP perlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City*.

**Sekian,    *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,    Wassalamualaikum*  
*Warahmatullahi Wabarakatuh***

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**